

Selasa

16 Januari 2018



MALAYSIA

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
MAJLIS MENGGANGKAT SUMPAAH
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 16 Januari 2018**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 14.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGGANGKAT SUMPAAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose
2. Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan dua orang Ahli Dewan Negara yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Pertama-tama, ingin saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Datuk John Ambrose dan Yang Berhormat Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee sebagai Ahli-ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Pelantikan ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memberi peluang baru kepada mereka untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memainkan peranan yang aktif dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini demi kepentingan masyarakat dan negara dan lingkungan tuntutan ikrar taat setia, Perlembagaan Negara, Peraturan-peraturan Mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam Rukun Negara yang menekankan antara lain, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan adalah konsep yang indah dengan syarat ia terbina atas landasan-landasan yang kukuh iaitu tingkah laku yang beradab dan bersopan, pemikiran yang terbuka dan rasional serta keperibadian tinggi dan mulia. Sesungguhnya landasan inilah yang menjiwai ketamadunan manusia. Selain daripada itu, sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di kaca mata masyarakat, Ahli-ahli Yang Berhormat perlulah berusaha gigih ke arah menambahkan ilmu untuk mempertingkatkan lagi mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Sifat-sifat yang mulia inilah saja yang tentu akan memperkasakan imej Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa. Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus mendukung visi rakyat ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.42 petang]